

## **Membina Item Soalan Kaji Selidik**

### **Rosly Bin Kayar**

Membina item soalan kajiselidik juga merupakan perkara penting yang perlu dilakukan. Lazimnya item telah disusun secara rawak supaya responden dapat menjawab dengan mudah. Untuk memudahkan analisis, nombor item hendaklah disusun berterusan dari nombor 1 hingga akhir meliputi item latar belakang dan juga item soal selidik. Di bawah merupakan contoh kaedah penyolalan mengenai konsep kebahagiaan. Konsep self-esteem yang dipilih merupakan kebahagiaan. Oleh itu, konsep ini akan ditanya berulang kali dengan beberapa pernyataan atau ayat yang berbeza namun kesemua soalan ini adalah bertujuan untuk menguji konsep kebahagiaan. Jika jawapan responden bersetuju dengan pernyataan di bawah maka kesahan item soalan yang dibina adalah tinggi.

Konsep: Kebahagiaan

Pernyataan:

1. Secara umumnya, saya gembira dengan perkahwinan saya ini.
2. Saya amat berbahagia dengan perkahwinan saya ini.
3. Perkahwinan saya merupakan satu sumber kegembiraan kepada saya.